

RISALAH MAKLUMAT PRODUK – KEMUDAHAN PEMBIAYAAN PORTFOLIO ISLAM (IPF)

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Maklumat Produk (RMP) ini direka untuk memberikan anda maklumat utama mengenai Kemudahan Pembiayaan Portfolio Islam (IPF)

Pelanggan lain telah membaca dan mendapatinya bermanfaat; **anda perlu membacanya juga.**



Tarikh:

1

Apa Itu Kemudahan Pembiayaan Portfolio Islam (IPF)?

IPF ialah kemudahan kredit pusingan jangka pendek patuh Syariah yang dijamin melalui cagaran atau gadaian ke atas aset pelaburan yang layak ("Kemudahan") dengan Maybank Islamic Berhad (dirujuk sebagai "Bank" atau "kami"). Kemudahan ini ditawarkan kepada pelanggan kami yang layak untuk tujuan pelaburan semula dalam pelaburan patuh Syariah dengan Bank. Kemudahan disediakan dalam mata wang Ringgit Malaysia (MYR – pengeluaran dalam MYR sahaja) serta Dolar Amerika Syarikat (USD – pengeluaran boleh dilakukan dalam mata wang G10).

Produk ini beroperasi di bawah kontrak Murabahah Komoditi (kos ditambah untung). Bank membeli komoditi yang patuh Syariah dari pihak ketiga atas permintaan anda dan menjualnya kepada anda dengan harga ditambah, yang boleh dibayar dalam tempoh yang dipersetujui. Bank bertindak sebagai ejen anda untuk menjual komoditi kepada pihak lain bagi tunai, dengan hasil disalurkan mengikut terma-terma fasiliti. Kemudahan ini turut disokong oleh kontrak tambahan, di mana kontrak Syariah yang diguna pakai adalah seperti berikut:

1. Bai' al-Sarf merujuk kepada kontrak pertukaran wang dengan wang, sama ada daripada jenis yang sama atau berbeza.
2. Rahn merujuk kepada kontrak di mana penggadaai (rahin) menggadaikan aset (marhun) kepada penerima gadaian (murtahin). Kontrak ini berperanan sebagai cagaran bagi memenuhi liabiliti atau obligasi (marhun bih) sekiranya berlaku kegagalan bayaran oleh penghutang.

2

Ketahui Tanggungjawab Anda

Sebagai **ilustrasi** pembiayaan ini:

- Jumlah pembiayaan: **5,000,000**
- Baki belum dijelaskan anda: **2,000,000**
- Tempoh Keuntungan: **12 bulan**
- Kadar keuntungan efektif: 3.00%

Jumlah bayaran keseluruhan adalah 60,000 selepas 12 bulan.

Nota:

- Kadar Asas Standard ("SBR") atau Kos dana ("COF") campur peratusan tetap ("Spread") setahun (p.a.)
- SBR/COF tertakluk kepada perubahan. COF yang berkenaan akan ditentukan pada masa setiap pengeluaran berdasarkan mata wang pengeluaran yang dipilih dan Tempoh Keuntungan. Walau bagaimanapun, Kadar Keuntungan Efektif tidak akan melebihi Kadar Keuntungan Siling.

Menjadi tanggungjawab anda untuk:



Membaca dan memahami **terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani.



Membayar ansuran bulanan anda tepat pada masa dan sepenuhnya selama **5 tahun**. Hubungi kami jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan lebih awal.



Pastikan anda mampu untuk **membayar ansuran bulanan yang lebih tinggi** jika Kadar Dasar Semalaman (KDS) meningkat.



Hubung kami segera sekiranya anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda.

Anda perlu membayar yuran dan caj berikut:

- Duti setem: Mengikut Akta Setem 1949 (Pindaan 1989)
- Tertakluk kepada semua cukai dan levi yang berkuat kuasa atau yang akan dikenakan dari semasa ke semasa mengikut undang-undang.
- Caj Lewat Bayar: amaun tertunggak x **1% setahun** atau Kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM)
- Yuran lain jika berkenaan seperti Yuran Pembukaan Akaun CDS, Yuran Pemindahan Saham CDS, Yuran Pengendalian Terbitan Hak dan kos serta perbelanjaan lain.

Jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan lebih awal, anda perlu tahu:

- Tiada caj penalti akan dikenakan.
- Kami akan memberi rebat (Ibra') kepada anda, ia akan dianggap sebagai penolakan dari elemen keuntungan pada Harga Jualan Bank bagi pembiayaan tersebut.

3

Ketahui Risiko Anda

Apa berlaku jika anda mengabaikan tanggungjawab anda?

- Anda perlu **membayar lebih daripada jumlah keseluruhan** disebabkan caj lewat bayar.
- Kami mungkin **menggunakan** sebarang baki kredit dalam akaun anda dengan kami untuk menyelesaikan baki pembiayaan anda.
- Bank berhak menaikkan kadar keuntungan margin kepada Kadar Asas Standard + 6.15% setahun sekiranya berlaku kejadian Mungkir (tunggakan bayaran ansuran untuk 3 bulan atau lebih)
- Kami mungkin mengambil **tindakan undang-undang** terhadap anda.
- **Skor kredit** anda berkemungkinan terjejas, menjadikan akses kepada kredit lebih sukar atau lebih mahal **pada masa hadapan**.
- Kami **berhak** untuk menjual atau melupuskan mana-mana cagaran yang dicagarkan kepada Bank bagi mengurangkan atau menyelesaikan baki hutang tertunggak, tanpa menamatkan Kemudahan ini.
- Sekiranya berlaku salah nyata atau pelanggaran terhadap terma Kemudahan atau mana-mana undang-undang, peraturan, dan perundangan yang terpakai, kami **berhak** menamatkan Kemudahan ini dengan notis bertulis terlebih dahulu kepada anda.

Risiko Utama:

- Pergerakan Kadar Keuntungan Efektif
- Risiko Pasaran (tidak terpakai bagi tunai dan deposit tetap)
- Risiko Mata Wang Asing
- Kerugian Berganda

4

Terma Penting Lain

- Adalah penting untuk anda memaklumkan sebarang perubahan maklumat untuk menghubungi anda supaya surat-menyurat dapat disampaikan tanpa kelewatan.
- Anda digalakkan untuk mendapatkan perlindungan takaful bagi melindungi baki tertunggak pembiayaan anda sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal. Takaful boleh diambil daripada panel penyedia takaful kami atau syarikat takaful lain yang diluluskan oleh Bank.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkenaan pembiayaan ini, anda boleh:



Hubungi kami
1-300-88-6688



Kunjungi kami di cawangan
Maybank/Maybank Islamic
berhampiran anda



Layari laman web
maybank.my/portfoliofinancing

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan memahami tentang apa yang anda tandatangani.

☐

Saya mengakui bahawa Maybank Islamic Berhad telah memberikan saya salinan RMP ini.

☐

Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam RMP ini.

**Pengakuan anda terhadap Risalah Maklumat Produk ini tidak akan menjejaskan hak anda untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya berlaku pertikaian berhubung dengan terma dan syarat..*

.....
Nama

Tarikh